

Perbezaan karakter dan tingkah laku berbahasa generasi X dan Y

ABSTRAK

Setiap generasi adalah berbeza. Generasi X dan Y didapati berbeza dari segi karakter, tingkah laku berbahasa, saluran komunikasi pilihan, kecekapan berkomunikasi, idea, pendekatan bekerja, dan pegangan nilai dan norma budaya. Perbezaan ini telah menyebabkan terjadinya jurang generasi dan jurang komunikasi dalam kalangan Generasi X dan Y. Generasi X didapati kurang setia, mengharapkan kenaikan pangkat lebih awal dan kurang cenderung menjadikan pekerjaan sebagai aset kehidupan yang penting. Generasi Y yang merupakan kohort generasi pertama berdepan dengan ledakan “teknologi maklumat digital” dikatakan tidak mempercayai organisasi, tetapi mempunyai keinginan yang tinggi untuk berjaya. Perbezaan generasi ini telah meletakkan pihak majikan dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia di sesebuah institusi dan organisasi dalam keadaan yang sukar. Mereka perlu memahami dan menghormati perbezaan generasi untuk membina organisasi multigenerational yang berjaya. Mereka juga bertanggungjawab untuk menjamin keharmonian bekerja dalam kalangan pekerja pelbagai generasi. Justeru, melalui penerapan Lima Prinsip Perbezaan Tingkah Laku Berbahasa (PPTLB) dan Lima Prinsip Tingkah Laku Berbahasa dan Komunikasi (PTLBK), komunikasi yang berkesan dapat dipraktik demi mencapai keharmonian dan merapatkan hubungan sosial dalam kalangan ahli institusi dan organisasi.